

ANALISIS KEFAHAMAN MURID TERHADAP PENGGUNAAN GAYA BAHASA SIMILE BERUNSUR EMOTIF DALAM NOVEL *PANTAI KASIH* BERDASARKAN TEORI RELEVANS

Analysis of Students' Understanding of the Use of Simile Language with Emotional Elements in The Novel Pantai Kasih Based on Relevance Theory

¹NUR AIN YUSOF

^{2*}NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI

^{1&2}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.

Corresponding author: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Dihantar/Received: 10 December 2025 | Penambahbaikan/Revised: 4 Mac 2026

Diterima/Accepted: 6 Mac 2026 | Terbit/Published: 30 June 2026

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.7005>

Abstrak Kajian ini bertujuan membantu murid dan guru memahami penggunaan gaya bahasa simile dalam novel selain membantu pembaca mentafsir maksud tersirat dan tersurat penggunaan gaya bahasa simile berunsur emotif yang digunakan dalam penulisan kreatif. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis kefahaman murid terhadap penggunaan gaya bahasa simile berunsur emotif dalam novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin berdasarkan Teori Relevans. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah kepustakaan, pemerhatian dan analisis dokumen. Instrumen yang digunakan terdiri daripada novel *Pantai Kasih* dan borang maklum balas. Responden merupakan 22 orang murid tingkatan 4 daripada sekolah menengah di daerah Besut, Terengganu. Data dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil kajian menunjukkan bahawa kefahaman murid terhadap gaya bahasa berunsur simile berunsur emotif yang terdapat dalam novel dapat difahami berdasarkan aspek konteks, kesan konteks dan usaha memproses, iaitu berdasarkan pengetahuan dan pemahaman yang dimiliki oleh murid.

Kata Kunci: Kefahaman, murid, gaya bahasa simile, unsur emotif, Teori Relevans



Abstract *This study aims to help students and teachers understand the use of simile language in novels as well as help readers interpret the implicit and explicit meanings of the use of simile language with emotive elements used in creative writing. Therefore, this study was conducted to analyze students' understanding of the use of simile language with emotive elements in the novel *Pantai Kasih* by Azmah Nordin based on Relevance Theory. This study uses a qualitative approach by applying library method, observation and document analysis. The instruments used consist of the novel *Pantai Kasih* and a feedback form. The study respondents consisted of 22 Form 4 students from secondary schools in the Besut district, Terengganu. The data was analyzed using Relevance Theory by Sperber and Wilson (1986). The results of the study found that students' understanding of the use of simile language with emotive elements can be understood based on the aspects of context, the effects of context and the efforts to process knowledge and understanding possessed by students.*

Keywords: *Comprehension, students, simile language style, emotive elements, Relevance Theory*

PENDAHULUAN

Karya sastra telah dimasukkan sebagai komponen dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kesusasteraan dalam pengajaran Bahasa Melayu merangkumi KOMSAS. KOMSAS ialah komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di seluruh sekolah menengah. KOMSAS dijadikan sebagai teks sastra wajib yang perlu dipelajari oleh murid dengan tujuan untuk membangunkan potensi mereka sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Pengajaran KOMSAS memerlukan guru Bahasa Melayu untuk menyampaikan isi pengajaran secara berkesan kepada murid. Menurut Mohd Rohiman Subri dan Rohizani Yaakub (2021), corak pengajaran KOMSAS adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu (DSKPBM) yang telah bertindak sebagai bahan pengajaran Bahasa Melayu bagi menyokong pembelajaran aspek seni berbahasa, aspek tatabahasa dan kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Melayu. Perkara ini telah memberikan tanggapan bahawa KOMSAS diperkenalkan dalam usaha untuk membentuk murid supaya dapat membina kemahiran berbahasa yang tinggi dan mampu mempunyai kualiti dari segi minda dan keinsanan dalam kehidupan.

Menurut Abdul Rasid Jamian (2023), penggunaan bahan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu KBSM turut berperanan untuk memperindah dan memperkukuh penguasaan bahasa murid. Selain itu, pendedahan kepada KOMSAS juga mampu menimbulkan kesedaran dalam kalangan murid tentang nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh melalui pembacaan bahan sastra dan hasil kesusasteraan. Menurut Srikandi Saemah Sameon dan Mary Fatimah Subet (2020), KOMSAS yang diajarkan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia merangkumi lima genre utama, iaitu puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, prosa moden dan novel. Novel merupakan salah satu komponen KOMSAS yang diajarkan di sekolah. Oleh itu, kajian yang dijalankan memfokuskan kepada novel KOMSAS Tingkatan 4.




Seterusnya, gaya bahasa merupakan unsur penting dalam penghasilan sesebuah karya penulisan. Menurut Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab Jabar (2021), pengolahan gaya bahasa dalam penulisan merupakan stail yang mencerminkan identiti kepengarangan seseorang penulis. Dalam proses penulisan, pengarang dapat mengaplikasikan pelbagai gaya bahasa yang bersesuaian serta menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca untuk menyampaikan idea di samping menghasilkan karya yang indah. Gaya bahasa figuratif pula merujuk kepada penggunaan bahasa yang mengandungi makna tersirat. Menurut Syofyan Hadi et al. (2021), bahasa figuratif ialah cara pengarang mengolah dan membayangkan sesuatu gagasan atau idea melalui penggantian satu kata dengan kata yang lain berdasarkan perbandingan atau analogi ciri semantik, sama ada antara yang umum dengan umum, umum dengan khusus, ataupun khusus dengan khusus.

Penggunaan gaya bahasa figuratif dapat memperindah penulisan sesebuah karya, termasuklah novel, di samping melatih daya pemikiran pembaca untuk meneliti makna di sebalik ayat dan mentafsir makna tersebut secara tepat berdasarkan konteks penggunaannya dalam penulisan. Menurut Siti Norashikin Mohd Khalidi (2018), bahasa figuratif merupakan salah satu bentuk gaya bahasa tersirat yang menjadi bahagian penting dalam bidang kesusasteraan dan sekali gus dalam bidang linguistik. Dalam penulisan novel, gaya bahasa figuratif digunakan untuk mewujudkan pelbagai unsur emotif seperti gembira, sedih, marah, simpati dan sebagainya kepada pembaca. Bahasa figuratif boleh terdiri daripada metonimi, sinekdok, kiasan, eufemisme, hiperbola, simile, metafora, personifikasi dan onomatopoeia. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, jenis bahasa figuratif yang difokuskan ialah gaya bahasa simile yang terdapat dalam novel *Pantai Kasih*.

Simile merupakan salah satu bentuk gaya bahasa yang tergolong dalam kumpulan gaya bahasa figuratif. Gaya bahasa ini menekankan penggunaan unsur perbandingan dalam novel untuk menyampaikan maksud secara tersirat. Menurut Khazri Osman et al. (2020), simile bersifat kiasan atau lambang yang menunjukkan makna sama ada pada perkataan, rangkai kata dan sebagainya yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasa. Menurut Siti Fatimah Radzi dan Harun Baharudin (2019) pula, simile lazimnya menggunakan kata perbandingan seperti laksana, seperti, bak, macam, umpama dan persis. Gaya bahasa simile dapat difahami sebagai perumpamaan yang secara jelas memperlihatkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu, sama ada manusia, benda dan sebagainya, dengan unsur yang lain. Dengan kata lain, gaya bahasa simile secara nyata menggambarkan sesuatu perbandingan atau persamaan. Gaya bahasa ini juga merupakan antara gaya bahasa yang sering digunakan dalam penulisan karya sastera. Kebanyakan pengarang memanfaatkan gaya bahasa simile untuk menjelaskan sesuatu situasi atau perasaan watak dalam karya yang dihasilkan.

Unsur emotif pula merujuk kepada penggunaan bahasa emotif yang bertujuan untuk membangkitkan emosi serta meninggalkan kesan kepada khalayak. Menurut Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019), karya sastera merupakan luahan emosi seseorang pengarang yang dapat dirasai oleh pembaca yang memiliki jiwa halus, khususnya dalam penghayatan terhadap unsur kesusahan dan kesedihan. Menurut Aminuddin Saimon (2022), penggunaan bahasa emotif dilihat sebagai salah satu bentuk komunikasi yang berpengaruh. Emosi turut dikaji dari sudut bahasa dan linguistik, terutamanya dalam bidang pragmatik melalui aplikasi Teori Relevans (Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2024). Penggunaan unsur



bahasa emotif dapat menzahirkan pelbagai perasaan seperti gembira, sedih, cinta, benci dan sebagainya. Dari sudut psikologi pula, emosi dianggap sebagai unsur asas dalam pengalaman manusia atau sesuatu yang diwarisi sejak lahir. Penerapan bahasa emotif amat penting, khususnya dalam situasi yang melibatkan pemujukan, penyampaian ideologi dan matlamat komunikasi yang lain. Menurut Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin (2024) dalam buku mereka yang berjudul *Emosi, Bahasa Figuratif dan Teori Relevans*, unsur emosi banyak diketengahkan dalam gaya bahasa sajak dan bahasa figuratif. Penggunaan unsur emotif dalam karya banyak dimanfaatkan kerana mampu mempengaruhi emosi pembaca dan pendengar melalui pengucapan mahupun penulisan.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut George Romiko dan Mary Fatimah (2022), murid dikatakan kurang mahir atau lemah dalam menggunakan isi kandungan secara tersurat dan tersirat. Perkara ini memberi kesan kepada jawapan yang dikemukakan iaitu jauh daripada fokus pembelajaran, meleret-leret dan tidak menepati kehendak tugas. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka tidak memahami dengan jelas mengenai isi kandungan yang ingin disampaikan secara tersirat dan jawapan yang diberikan gagal dikembangkan dengan baik. Gaya bahasa simile yang digunakan dalam karya sastera memiliki makna tersirat untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca. Perkara ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada pembelajaran murid kerana murid kurang mahir untuk menghuraikan makna di sebalik gaya bahasa simile yang digunakan. Oleh itu, kajian berkaitan gaya bahasa simile dapat memberikan kefahaman kepada murid untuk memahami penggunaan ayat tersirat.

Kajian oleh Erniwati, Sudarkam dan Maghfira (2023) menunjukkan bahawa kesukaran mengenal pasti bahasa figuratif merupakan antara masalah utama pelajar dalam memahami teks sastera, khususnya apabila makna ujaran tidak dapat ditafsir secara literal. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pemahaman terhadap gaya bahasa berunsur figuratif seperti simile bukan sekadar bergantung kepada pengecaman bentuk bahasa, tetapi turut menuntut keupayaan linguistik, pragmatik dan kognitif khalayak itu sendiri. Namun demikian, kelemahan murid mentafsir makna kiasan, bahkan ketidakupayaan mereka membezakan ciri simile secara khusus daripada bentuk bahasa figuratif lain seperti metafora dan personifikasi menyebabkan penguasaan murid terhadap gaya bahasa simile masih kurang memuaskan, terutama dari segi kefahaman bentuk, fungsi dan makna dalam konteks pembelajaran bahasa.

Bagi Khazri Osman et al. (2020), perbezaan latar belakang, pengalaman, pengetahuan dan ideologi dalam kalangan manusia menyebabkan sesuatu ujaran atau karya tidak sentiasa ditafsirkan secara seragam oleh pembaca. Dalam konteks ini, makna yang terkandung dalam teks, khususnya yang melibatkan unsur bahasa figuratif seperti simile, berpotensi menimbulkan pelbagai tafsiran sekiranya pembaca tidak mempunyai kefahaman yang jelas terhadap fungsi dan makna penggunaannya. Situasi ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap gaya bahasa simile bukan sekadar aspek estetik dalam karya, tetapi merupakan elemen penting untuk menyingkap nuansa makna yang ingin disampaikan oleh penulis secara lebih tepat dan mendalam. Kelemahan dalam memahami unsur tersebut boleh menyebabkan pembaca, khususnya murid, berisiko



mentafsir mesej secara kabur, menyimpang atau terlalu literal, sekali gus menimbulkan kesangsian dan kesalahfahaman terhadap maksud sebenar teks.

Selain itu, karya kesusasteraan dianggap sebagai gaya bahasa berbunga tanpa fungsi yang jelas (Muhamad Aniq & Mohd Syuhaidi, 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana karya kesusasteraan mengandungi unsur ambiguiti iaitu kekaburan untuk menyembunyikan makna yang sebenar. Murid tidak dapat memahami dengan jelas makna yang ingin disampaikan sehingga mengurangkan minat mereka untuk membaca karya sastera. Karya sastera merangkumi gaya bahasa figuratif yang digunakan untuk mengindahkan karya. Gaya bahasa figuratif seperti gaya bahasa simile yang digunakan oleh penulisalam sesebuah karya mengandungi makna tersirat yang memiliki perbezaan penafsiran bagi setiap individu. Oleh yang demikian, gaya bahasa ini menyukarkan pemahaman murid kerana kekaburan makna bagi setiap gaya bahasa yang digunakan.

Akhir sekali, George Romiko dan Mary Fatimah (2021), menyatakan bahawa para murid masih terkapai-kapai dalam usaha menongkah arus pembelajaran yang mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pembelajaran KOMSAS yang merangkumi sastera memerlukan KBAT untuk menghuraikan makna tersirat dalam karya. Namun begitu, sebahagian murid tidak dapat menghuraikan makna tersirat dalam karya semasa pembacaan mereka kerana kurang menguasai KBAT. Sekiranya murid tidak dapat mengaplikasikan KBAT yang merangkumi kemahiran mengaplikasi, menganalisis, membuat penilaian dan mereka cipta, dalam pembelajaran harian, murid akan menghadapi kesukaran untuk memahami makna tersirat yang terkandung dalam karya sastera dengan lebih terperinci. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan kefahaman murid terhadap gaya bahasa simile berunsur emotif dalam novel *Pantai Kasih* Karya Azmah Nordin berdasarkan Teori Relevans.

SOROTAN LITERATUR

Siti Norashikin dan Nor Azuwan (2018) dalam kajian yang menumpukan kepada gaya bahasa figuratif figuratif alusi dan hiperbola sebagai wahana penjelasan unsur emotif. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada analisis kandungan teks berdasarkan novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*. Unsur emotif yang dikaji telah dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil kajian menunjukkan penggunaan bahasa figuratif alusi dan hiperbola sangat memberikan kesan kepada emosi pembaca untuk merasai perkara yang berlaku dalam novel tersebut. Penggunaan bahasa figuratif alusi iaitu “ditabur-tabur depan mata macam kita menaburkan padi beri ayam makan” menerangkan unsur emotif yang dialami oleh penduduk desa tersebut. Data ini dikategorikan sebagai alusi kerana disamakan dengan perkara yang dirujuk dengan sesuatu keadaan yang sudah diketahui oleh masyarakat dalam lingkungannya. Penggunaan alusi dalam data tersebut menunjukkan makna implisit bagi menggambarkan suasana yang berlaku dalam novel yang dikaji.

Bagi bahasa figuratif hiperbola, pengkaji menggunakan frasa “secepat kilat” yang merujuk keadaan lelaki dan perempuan yang berada di dalam bilik tersebut menjadi sangat sedih dengan begitu pantas. Pengkaji ingin menyampaikan kisah yang berlaku dalam novel yang dikaji iaitu pemergian Salmah yang telah membuatkan semua orang di dalam bilik tersebut menangis cepat



seperti kilat. Kajian yang dilaksanakan ini telah mengemukakan idea tentang penggunaan bahasa figuratif untuk menjelaskan unsur emotif. Namun, kajian tersebut berfokus kepada gaya bahasa figuratif alusi dan hiperbola. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kepada penggunaan bahasa figuratif simile dengan menggunakan novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin.

Simon Ruruk dan Sarniati Bunga (2022) mengkaji makna emotif dengan menggunakan penelitian kualitatif. Pengumpulan data yang dilakukan menggunakan teknik baca, catat, dan baca. Hasil pembacaan yang dilakukan mendapati sejumlah 45 kata yang mengandungi makna emotif dalam novel. Kajian yang dilakukan terdiri daripada penghuraian makna emotif dalam ayat yang dikarang oleh penulis. Kajian ini hanya memfokuskan kepada makna emotif manakala kajian yang dijalankan oleh pengkaji turut memfokuskan makna atau unsur emotif yang berfokus kepada gaya bahasa simile dalam novel *Pantai Kasih*.

Siti Norashikin, Nor Azuwan dan Zaitul Azma (2017) turut mengkaji bahasa figuratif yang mengandungi makna siratan iaitu menyamakan sesuatu perkara dengan perkara lain secara tidak langsung. Kajian ini berfokus kepada tiga buah cerpen Melayu yang bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari* karya Lim Swee Tin. Analisis data dilakukan secara kualitatif dengan memfokuskan kepada gaya bahasa personifikasi dengan menggunakan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986).

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa contoh data yang dapat dikutip daripada setiap karya iaitu “Lembing ini dahagakan tubuhmu...”, “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...”, “Matanya juga liar mencari.”, “Malam sungguh cemerlang.”, “...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan...”, dan “...pondok tua...”. Contoh analisis data yang dilakukan dapat dilihat pada data pertama, iaitu “Lembing ini dahagakan tubuhmu...”. Contoh ini menyerlahkan bahawa ungkapan tersebut terdiri daripada unsur personifikasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, kata “lembing” dapat disifatkan mempunyai rasa dahaga seperti sifat manusia. Oleh itu, makna linguistik bagi dahagakan ialah haus atau hendak minum.

Menerusi Teori Relevans, dapat dilihat bahawa pengkaji menentukan kod, inferens dan andaian untuk menganalisis makna siratan bagi data tersebut. Dalam Teori Relevans, konteks yang ada pada data ini merujuk kepada “berkeinginan membunuh tubuhmu yang merupakan maksud siratan bagi dahagakan. Konteks yang kedua pula merujuk kepada kata “tubuhmu” yang merujuk kepada tubuh tapah iaitu sejenis ikan. Namun, kedua-dua konteks ini tidak dapat dihubungkan kerana melalui pengetahuan sedia ada pembaca, ikan tidak boleh diminum tetapi dimakan sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan maklumat konteks yang berada dalam lingkungan contoh tersebut untuk menguatkan makan siratan contoh ini berdasarkan maklumat tambahan. Justeru, makna sebenar yang dingin disampaikan ialah Usin ingin membunuh tapah yang telah mengakibatkan kecacatan pada anaknya dengan menggunakan lembing.

Mary Fatimah (2018) dalam kajiannya yang berfokus kepada gaya bahasa metafora untuk mencari makna sebenar. Kajian ini menumpukan kepada lima gaya bahasa metafora daripada lima sajak Usman Awang. Kajian yang dilakukan adalah menggunakan reka bentuk kualitatif dan analisis dokumen berdasarkan Teori Relevans. Terdapat lima data yang diperoleh dalam kajian. Data pertama ialah analisis Teori Relevans dalam bahasa figuratif metafora “Kolam-kolam Derita”, (sajak “Mata Ayah”), data kedua ialah analisis Teori Relevans dalam bahasa figuratif



metafora “Mengawal Ombak Emosiku”, (Sajak “Gadis Kecil”), data ketiga ialah analisis Teori Relevans dalam bahasa figuratif metafora “Pelabuhan Kebudayaan Peradaban Zaman”, (Sajak “Perpustakaan”), data keempat ialah analisis Teori Relevans dalam bahasa figuratif metafora “Budi Yang Diapungkan di Dulang Ilmu”, (Sajak “Guru O Guru”), dan data kelima ialah analisis Teori Relevans dalam bahasa figuratif metafora “Alangkah Sunyinya Taman Hati Ini”, (Sajak “Kasih dan Rindu”).

Data yang diperoleh daripada sajak-sajak tersebut menggunakan kehadiran baris atau leksikal lain dalam sajak yang merupakan subgagasan dalam teori relevans untuk mengukuhkan penginterpretasian makna. Kajian ini telah berfokus kepada idea penggunaan Teori Relevans dalam menganalisis metafora dalam sajak-sajak terpilih, manakala kajian yang dijalankan oleh pengkaji tertumpu kepada analisis gaya bahasa simile sebagai penjelasan unsur emotif dalam novel *Pantai Kasih* berdasarkan Teori Relevans.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kaedah kepustakaan, pemerhatian, dan analisis dokumen. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpulkan teori, konsep, dapatan kajian terdahulu, dan fakta-fakta sokongan yang membantu membina asas yang kukuh bagi penyelidikan. Kaedah pemerhatian yang dilakukan pula merujuk kepada keberadaan pengkaji yang berada di lokasi kajian untuk bertemu dengan responden secara langsung bagi menjalankan penyelidikan.

Bagi kaedah analisis dokumen melibatkan proses meneliti, menyaring, dan mentafsir bahan bertulis secara sistematik. Pengkaji meneliti teks novel *Pantai Kasih* untuk mengenal pasti contoh simile berunsur emotif yang menjadi fokus kajian. Setiap contoh dianalisis dari segi makna literal dan implikatur konteks mengikut kerangka Teori Relevans bagi memahami bagaimana simile tersebut menyampaikan kesan emotif terhadap pembaca. Pengkaji turut merujuk skrip jawapan murid bagi menilai cara murid mentafsir makna dan fungsi simile yang terdapat dalam novel. Melalui analisis ini, pengkaji dapat meneliti keselarasan makna yang dimaksudkan pengarang dengan makna yang diterima murid, sekali gus mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap gaya bahasa yang digunakan.

Instrumen kajian yang digunakan merupakan novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin dan borang maklum balas. Novel *Pantai Kasih* dipilih memandangkan novel ini digunakan sebagai bahan pengajaran KOMSAS dalam bahasa Melayu. Novel ini juga telah mendapat pelbagai penghargaan termasuklah Hadiah Cerpen ESSO/GAPENA, Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 dan Hadiah Sastera Perdana. Selain itu, pengkaji menggunakan borang maklum balas sebagai untuk menghuraikan kefahaman murid terhadap gaya bahasa simile dalam novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin berdasarkan konsep implikatur dan eksplikatur dalam Teori Relevans. Borang maklum balas ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian A, pengkaji akan mengumpul maklumat berkaitan demografi responden. Pada bahagian B pula, pengkaji telah menyediakan 15 soalan berkaitan gaya bahasa simile dan meminta responden untuk mentafsir gaya bahasa simile berunsur emotif berdasarkan pandangan mereka.



Lokasi kajian yang dipilih ialah sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Besut, Terengganu. Lokasi ini dipilih kerana pengkaji melaksanakan program Perantis Guru di sekolah tersebut. Data diperoleh dengan menggunakan persampelan bertujuan, iaitu melibatkan 30 orang murid tingkatan 4. Setelah pengkaji memperoleh data yang diinginkan, pengkaji akan menganalisis data secara deskriptif. Pengkaji akan menjelaskan maklumat berkaitan kajian yang tertumpu kepada kefahaman murid terhadap gaya bahasa simile yang digunakan dalam novel. Pengkaji akan melihat data yang diperoleh daripada borang maklum balas yang dijawab oleh murid untuk menghuraikan kefahaman murid terhadap gaya bahasa simile berunsur emotif dalam novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin berdasarkan tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini hanya akan membincangkan tiga contoh ayat sahaja dengan menggunakan tiga gagasan yang terdapat dalam Teori Relevans, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak ayat yang menggunakan gaya bahasa simile berunsur emotif dalam novel tersebut.

Data/Ayat 1

Berdasarkan soalan, terdapat tiga pilihan jawapan yang perlu dijawab oleh responden, iaitu A. Terkejut, B. Marah, dan C. Sedih. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah B, iaitu marah. Berdasarkan data, didapati semua pilihan jawapan telah dijawab oleh responden.

Apakah unsur emotif yang terdapat dalam ayat, “*Bagaikan sudah tidak dapat ditahan lagi, tawa mereka meletus langsing. Bunyi tawa itu sama seperti angin malam musim kemarau panjang yang berderu kencang di luar sana, yang bagaikan mahu meruntuhkan semuanya yang ada di PRPK itu*”. (m/s79)

- A. Terkejut
- B. Marah
- C. Sedih

Rajah 1 Data/Ayat 1

Untuk keterangan lanjut, berikut dibincangkan pilihan jawapan yang telah dipilih oleh responden:

Jawapan yang Betul: Pilihan Jawapan B

Berdasarkan hasil jawapan murid, terdapat tujuh murid yang berjaya mentafsir gaya bahasa simile bagi ayat ini dengan memilih emosi yang tepat iaitu emosi marah. Kebanyakan responden memberikan penjelasan bahawa emosi marah dapat dikaitkan dengan penggunaan ayat “...bagaikan mahu meruntuhkan semuanya yang ada pada PRPK itu”. Dalam hal ini, pilihan jawapan B merupakan jawapan yang tepat kerana dalam penulisan novel tersebut, penulis menggambarkan situasi tidak puas hati Doktor Muhammad kerana menerima panggilan palsu di PRPK dan rungutan beberapa orang staf di tempat itu.



Proses membuat inferens yang dilakukan oleh murid dalam mentafsir petikan simile tersebut selaras dengan salah satu gagasan utama Teori Relevans, iaitu konteks. Melalui konteks penceritaan dalam novel, murid berjaya membina andaian yang tepat terhadap makna tersirat yang terkandung dalam ayat, “Bagaikan sudah tidak dapat ditahan lagi, tawa mereka meletus langsing. Bunyi tawa itu sama seperti angin malam musim kemarau panjang yang berderu kencang di luar sana, yang bagaikan mahu meruntuhkan semuanya yang ada di PRPK itu.” Pemilihan emosi oleh murid adalah tepat kerana murid bukan sahaja memahami makna literal simile tersebut, malah turut menelusuri makna implisit yang mengandungi unsur emosi yang mencerminkan situasi dramatik dalam jalan cerita. Hal ini menunjukkan bahawa murid telah menggunakan maklumat sedia ada dalam konteks wacana untuk mentafsir maksud penulis secara berkesan.


Dari sudut kesan konteks, respons murid dapat dianggap tinggi kerana murid mampu mengintegrasikan maklumat linguistik, situasi cerita dan emosi watak untuk memadankan gaya bahasa simile dengan emosi yang sesuai. Keupayaan murid memberikan justifikasi terhadap pemilihan emosi membuktikan bahawa interpretasi yang dilakukan bukan bersifat tekaan, sebaliknya berasaskan pemahaman yang mendalam terhadap peristiwa dalam novel. Seperti yang dijelaskan oleh Nur Yusra Nabihah Baharuddin dan Siti Noraini Hamzah (2025), bahasa figuratif seperti simile hanya dapat difahami dengan tepat apabila pembaca menghubungkannya dengan konteks wacana dan makna siratan yang terkandung dalam teks.

Secara tidak langsung, murid telah berjaya mengaitkan penggunaan gaya bahasa simile yang berunsur emotif dengan perkembangan naratif dalam novel *Pantai Kasih*. Dari aspek usaha memproses, murid memerlukan usaha yang rendah kerana maklumat yang diperoleh memberikan pulangan kognitif yang tinggi. Keadaan ini menunjukkan murid mempunyai kecekapan dalam memproses maklumat pragmatik dan memahami implikatur yang terkandung dalam simile tersebut. Oleh itu, ketepatan jawapan murid membuktikan bahawa interpretasi yang dihasilkan memenuhi prinsip asas Teori Relevans, iaitu mencapai kesan konteks yang tinggi dengan usaha memproses yang minimum.

Jawapan yang Salah: Pilihan Jawapan A dan C

Seramai 11 orang responden memilih jawapan A, iaitu emosi terkejut, manakala empat orang responden memilih jawapan C, iaitu emosi sedih. Berdasarkan data, tiada justifikasi diberikan oleh responden yang memilih jawapan C, manakala responden yang memilih jawapan A menyatakan bahawa frasa “bagai sudah tidak dapat ditahan lagi, tawa mereka meletus langsing” menggambarkan emosi terkejut. Namun demikian, penjelasan yang dikemukakan adalah kurang tepat dari sudut pragmatik kerana penggunaan perkataan “meletus” dalam konteks ini tidak merujuk kepada kejutan, sebaliknya membawa maksud tawa yang tercetus secara kuat dan tiba-tiba. Secara semantik dan berasaskan konteks naratif, situasi tersebut sebenarnya menggambarkan perasaan tidak puas hati, marah dan tersinggung dalam kalangan warga PRPK akibat dipermainkan dengan panggilan palsu, lalu dizahirkan melalui tawa yang bersifat sinis dan menyindir, bukannya emosi terkejut atau sedih.

Berdasarkan kerangka Teori Relevans, responden A dan C didapati mempunyai kesan konteks yang rendah kerana mereka gagal mengaitkan makna implisit simile dengan keseluruhan situasi penceritaan. Keadaan ini menyebabkan usaha memproses yang diperlukan menjadi tinggi, dan tidak menghasilkan interpretasi yang tepat. Kesalahan tafsiran ini berpunca daripada



kecenderungan murid menumpukan makna literal perkataan “meletus” tanpa mengaitkannya dengan konteks wacana yang lebih luas. Sekiranya murid menghubungkan penggunaan gaya bahasa simile tersebut dengan perkembangan emosi watak dan konflik yang digambarkan oleh pengarang, mereka sepatutnya dapat memilih emosi yang lebih tepat.

Keadaan membuktikan bahawa kegagalan mengintegrasikan konteks, kesan konteks dan usaha memproses telah menyebabkan berlaku kesalahan tafsiran terhadap emosi yang terkandung dalam gaya bahasa simile tersebut. Seperti yang dijelaskan oleh Feng et al. (2017), semakin rendah kerelevanan konteks, maka semakin tinggi keperluan inferens dan semakin besar kemungkinan berlakunya kesilapan tafsiran dalam memahami makna pragmatik. Ini sangat kuat untuk menyokong hujah bahawa kegagalan mengintegrasikan konteks akan membawa kepada tafsiran emosi yang salah.

Data/Ayat 2

Berdasarkan soalan pada Rajah 2, terdapat tiga pilihan jawapan yang perlu dijawab oleh responden, iaitu A. Terkejut, B. Marah, dan C. Sedih. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah C, iaitu sedih. Berdasarkan data, didapati semua pilihan jawapan telah dijawab oleh responden.

Apakah unsur emotif yang terdapat dalam ayat, “Macam rintihan batinnya, bunyi itu kedengaran begitu langsing dan menusuk hati, jiwa dan raganya. Biar pun kipas berputar ligat di siling, namun tubuhnya disimbah peluh, **bagaikan** disalai di atas api”. (m/s92)

- A. Terkejut
- B. Marah
- C. Sedih

Rajah 2 Data/Ayat 2

Untuk keterangan lanjut, berikut dibincangkan pilihan jawapan yang telah dipilih oleh responden:

Jawapan yang Betul: Pilihan Jawapan C

Berdasarkan data, terdapat 15 orang responden yang memilih emosi yang tepat iaitu emosi sedih bagi gaya bahasa simile, “Macam rintihan batinnya, bunyi itu kedengaran begitu langsing dan menusuk hati, jiwa dan raganya. Biar pun kipas berputar ligat di siling, namun tubuhnya disimbah peluh, bagaikan disalai di atas api”. Penjelasan yang diberikan oleh responden adalah “rintihan batin” dan “disalai di atas api” menunjukkan emosi sedih. Penjelasan tersebut adalah tepat kerana kedua-dua frasa tersebut menjurus kepada perasaan sedih Doktor Raiha yang berjuang untuk mendapatkan keadilan anaknya, namun tidak berjaya sehingga dirinya merintih kesedihan.

Penjelasan yang dikemukakan oleh murid dapat dijadikan sebagai konteks tafsiran yang tepat terhadap ayat “Macam rintihan batinnya, bunyi itu kedengaran begitu langsing dan menusuk hati, jiwa dan raganya. Biar pun kipas berputar ligat di siling, namun tubuhnya disimbah peluh, bagaikan disalai di atas api”. Pemilihan emosi sedih oleh murid membuktikan bahawa murid bukan sekadar memahami makna literal ayat, malah turut berjaya menelusuri makna tersirat yang terkandung dalam penggunaan gaya bahasa simile tersebut. Unsur rintihan batin, kesakitan dalaman serta penderitaan fizikal yang digambarkan melalui perbandingan “bagai disalai di atas



api” telah membekalkan petunjuk konteks yang kukuh untuk murid membuat inferens emosi yang tepat.


Berdasarkan Teori Relevans, kesan konteks yang dicapai oleh murid adalah tinggi kerana murid berjaya menggabungkan maklumat linguistik, situasi penceritaan dan emosi watak untuk mentafsir maksud penulis dengan berkesan. Keupayaan murid memadankan gaya bahasa simile dengan emosi yang sesuai menunjukkan bahawa murid memperoleh pulangan kognitif yang tinggi daripada input yang diproses. Apabila murid dapat memberikan justifikasi terhadap pemilihan emosi tersebut, hal ini membuktikan bahawa murid telah berjaya mengaitkan unsur emotif dalam simile dengan perkembangan konflik dan penderitaan watak dalam jalan cerita. Dari sudut usaha memproses, murid memerlukan usaha yang rendah kerana mereka telah memiliki pengetahuan sedia ada tentang latar situasi novel, sekali gus memudahkan pentafsiran emosi sedih yang terkandung dalam ayat tersebut.

Seperti yang dijelaskan oleh Syahirah Alias dan Siti Noraini Hamzah (2024), bahasa figuratif lebih mudah difahami apabila ditafsir secara berkonteks. Keadaan ini boleh digunakan untuk menguatkan bahawa pengetahuan sedia ada tentang situasi cerita membantu murid mencapai interpretasi yang lebih tepat dengan usaha yang lebih minimum. Oleh itu, ketepatan jawapan murid jelas memperlihatkan bahawa proses inferens yang berlaku memenuhi prinsip asas Teori Relevans, iaitu mencapai kesan konteks yang maksimum dengan usaha memproses yang minimum.

Jawapan yang Salah: Pilihan Jawapan A dan B

Murid yang memilih jawapan A terdiri daripada dua orang, manakala murid yang memilih jawapan B terdiri daripada lima orang. Pemilihan emosi terkejut dan marah didapati kurang tepat berdasarkan tafsiran terhadap penggunaan gaya bahasa simile dalam ayat “Macam rintihan batinnya, bunyi itu kedengaran begitu langsing dan menusuk hati, jiwa dan raganya. Biarpun kipas berputar ligat di siling, namun tubuhnya disimbah peluh, bagaikan disalai di atas api”. Hal ini demikian kerana frasa “rintihan batinnya” dan perbandingan “bagaikan disalai di atas api” secara jelas menandakan penderitaan dalaman, tekanan emosi dan kesedihan yang mendalam, bukannya reaksi emosi yang bersifat mendadak seperti terkejut atau bersifat agresif seperti marah. Gambaran fizikal tubuh yang disimbah peluh walaupun dalam keadaan kipas berputar turut memperkukuh implikasi emosi keperitan dan kepasrahan watak terhadap situasi yang dihadapinya.

Berdasarkan Teori Relevans, tafsiran yang kurang tepat ini menunjukkan bahawa kesan konteks yang diperoleh oleh responden adalah rendah, manakala usaha memproses adalah tinggi kerana responden gagal memanfaatkan sepenuhnya petunjuk linguistik dan konteks naratif yang tersedia untuk membina inferens yang betul. Tambahan pula, ketiadaan justifikasi terhadap pemilihan emosi terkejut dan marah menggambarkan bahawa responden tidak berjaya mengintegrasikan konteks wacana dengan makna implisit simile tersebut. Kelemahan ini menyebabkan responden tersasar daripada niat pengarang yang sebenarnya ingin menonjolkan emosi kesedihan, keperitan dan kepasrahan watak. Oleh itu, kegagalan mengaitkan gaya bahasa simile dengan konteks penceritaan secara menyeluruh telah mengehadkan pulangan kognitif yang diperoleh, sekali gus menjejaskan ketepatan interpretasi emosi.



Data/Ayat 3

Apakah unsur emotif yang terdapat dalam ayat, “**Bagaikan** otaknya telah disengat oleh kala jengking halimunan yang bijak bersembunyi di bawah permaidani tebal, di pusat rawatan mewah itu”. (m/s15)

- A. Terkejut
- B. Marah
- C. Sedih

Rajah 3 Data/Ayat 3


Jawapan yang Betul: Pilihan Jawapan A

Berdasarkan data pada Rajah 3, terdapat murid yang berjaya menafsir gaya bahasa simile dengan memilih emosi yang tepat iaitu emosi terkejut. Murid yang memilih jawapan A iaitu emosi terkejut terdiri daripada 13 orang. Penjelasan bagi setiap responden dapat dilihat melalui data yang dikumpul iaitu kebanyakan responden memberikan penjelasan bahawa emosi terkejut dapat dikaitkan dengan perasaan watak Felicia apabila dia terdengar suara aneh yang seakan menyindir dirinya walhal dia telah memastikan bahawa tiada sesiapa berada di dalam mahupun luar ruang farmasi itu.

Berdasarkan data, sebahagian murid didapati berjaya mentafsir penggunaan gaya bahasa simile dengan memilih emosi yang tepat, iaitu *emosi terkejut*, apabila seramai 13 orang responden memilih jawapan A. Ketepatan pemilihan ini dapat dijelaskan melalui elemen konteks dalam Teori Relevans, apabila murid mengaitkan ayat “Bagaikan otaknya telah disengat oleh kala jengking halimunan yang bijak bersembunyi di bawah permaidani tebal, di pusat rawatan mewah itu” dengan situasi watak Felicia yang tiba-tiba terdengar suara aneh yang menyindir dirinya, sedangkan dia telah memastikan bahawa tiada sesiapa berada di dalam atau di luar ruang farmasi tersebut. Konteks situasi yang bersifat tidak dijangka dan misteri ini membekalkan petunjuk yang kukuh untuk murid membuat inferens bahawa emosi yang dialami oleh watak ialah emosi terkejut.

Dari sudut kesan konteks, tafsiran murid memberikan pulangan kognitif yang tinggi kerana mereka berjaya memadankan makna implisit simile “disengat oleh kala jengking halimunan” dengan reaksi psikologi watak yang mengalami kejutan secara tiba-tiba. Simile tersebut secara metaforik menggambarkan rangsangan mendadak terhadap pemikiran watak, sekali gus menguatkan interpretasi emosi terkejut. Keupayaan murid mengemukakan penjelasan yang selari dengan situasi naratif menunjukkan bahawa murid bukan sahaja memahami makna literal ungkapan, malah turut mengesan implikatur yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Dari aspek usaha memproses, murid memerlukan usaha yang rendah kerana konteks penceritaan yang jelas serta pilihan leksikal yang bersifat dramatik dalam simile tersebut memudahkan pembinaan inferens emosi. Murid dapat mengakses maklumat konteks dengan pantas dan seterusnya menghasilkan interpretasi yang tepat tanpa beban pemprosesan yang tinggi. Oleh itu, ketepatan jawapan murid membuktikan bahawa proses interpretasi yang berlaku adalah selaras dengan prinsip utama Teori Relevans, iaitu pencapaian kesan konteks yang tinggi dengan usaha memproses yang minimum.



Jawapan yang Salah: Pilihan Jawapan B dan C

Terdapat responden yang memilih jawapan B, iaitu emosi *marah*. Walau bagaimanapun, justifikasi yang dikemukakan oleh kesemua responden ini adalah kurang tepat kerana mereka mengaitkan emosi tersebut dengan kemarahan Felicia apabila mengingati kisah silamnya yang bersubahat dengan Doktor Uwang dalam pembunuhan anak Doktor Raiha. Tafsiran ini tidak selari dengan konteks sebenar ayat simile yang dianalisis, kerana gaya bahasa tersebut lebih menonjolkan reaksi psikologi secara mendadak apabila Felicia seolah-olah mendengar suara yang menyindir dirinya sehingga berlakunya monolog dalaman, seperti yang digambarkan melalui bisikan hatinya “Suara aneh itu, bisik hatinya, terkesan betapa dirinya berasa tersindir lagi”. Situasi ini sebenarnya mencerminkan emosi terkejut dan tersentak, bukannya emosi marah. Tafsiran yang sama turut dikemukakan oleh responden yang memilih jawapan C, sekali gus memperlihatkan kecenderungan responden untuk tersasar daripada konteks situasi sebenar.

Berdasarkan Teori Relevans, penjelasan responden yang memilih jawapan B dan C menunjukkan bahawa kesan konteks yang diperoleh adalah rendah kerana mereka gagal mengaitkan makna implisit simile dengan situasi peristiwa yang sedang berlaku dalam jalan cerita. Kegagalan ini menyebabkan interpretasi emosi yang dipilih menjadi kurang tepat dan tidak selari dengan niat pengarang. Sehubungan itu, usaha memproses yang diperlukan oleh responden menjadi tinggi, kerana mereka tidak berjaya memanfaatkan petunjuk linguistik dan konteks naratif yang tersedia secara optimum. Selaras dengan prinsip Teori Relevans, semakin rendah kesan konteks yang dicapai, semakin tinggi usaha pemprosesan maklumat yang diperlukan untuk memperoleh interpretasi yang tepat. Oleh itu, kes ini membuktikan bahawa kelemahan dalam mengintegrasikan konteks, kesan konteks dan usaha memproses telah menyebabkan berlakunya salah tafsiran terhadap emosi yang digambarkan dalam simile tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa murid mempunyai tahap kefahaman yang baik terhadap gaya bahasa simile berunsur emotif apabila pentafsiran dilakukan melalui kerangka Teori Relevans, khususnya melalui pengaplikasian konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Walau bagaimanapun, kewujudan sebilangan murid yang masih gagal mentafsir emosi dengan tepat menunjukkan bahawa pemahaman terhadap makna implisit tidak berlaku secara automatik, sebaliknya memerlukan bimbingan yang berterusan dan sistematik. Sebagai contoh, guru disarankan melaksanakan bimbingan kontekstual berasaskan inferens, iaitu membimbing murid mentafsir gaya bahasa simile melalui penelitian terhadap konteks ayat, situasi cerita, emosi watak dan makna perbandingan. bimbingan ini penting bagi membantu murid memahami makna implisit secara lebih sistematik dan tidak bergantung pada tafsiran literal semata-mata. Kesalahan tafsiran yang berpunca daripada penumpuan kepada makna literal semata-mata membuktikan bahawa unsur pragmatik masih belum dikuasai sepenuhnya oleh semua murid. Hal ini sekali gus menandakan keperluan untuk memperkukuh pendekatan pengajaran sastera yang lebih menekankan inferens makna, penaakulan konteks dan kesedaran terhadap fungsi gaya bahasa dalam pembinaan emosi dan makna wacana.



Dari segi implikasi, kajian ini memperlihatkan potensi besar Teori Relevans sebagai kerangka analisis yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, khususnya dalam membantu murid memahami makna tersirat bahasa figuratif. Namun, batasan kajian yang hanya melibatkan tiga data simile dan sampel yang terhad menunjukkan bahawa generalisasi dapatan masih perlu ditafsir dengan berhati-hati. Oleh itu, penyelidikan lanjutan wajar diperluas merangkumi lebih banyak data, genre sastera yang berbeza serta latar murid yang lebih pelbagai bagi mengukuhkan kesahan dapatan. Secara tidak langsung, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengayaan pedagogi Bahasa Melayu, malah membuka ruang kepada pengintegrasian pendekatan linguistik kognitif secara lebih meluas dalam pembelajaran sastera agar penghayatan murid terhadap karya dapat dipertingkatkan secara holistik.

Selain itu, dapatan ini memberi sumbangan yang penting kepada bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam pengajaran komponen sastera di sekolah. Kajian ini membuktikan bahawa pemahaman murid terhadap unsur emotif dalam gaya bahasa simile dapat dipertingkatkan sekiranya murid dibimbing untuk mengaitkan makna implisit dengan konteks penceritaan secara sistematik berasaskan Teori Relevans. Implikasi ini memberi petunjuk kepada guru bahawa pendekatan pengajaran yang menekankan konteks, kesan konteks dan usaha memproses wajar diaplikasikan secara berkesan bagi membantu murid mentafsir makna kiasan dengan lebih tepat.


Malahan juga, kajian ini mempunyai implikasi terhadap pembangunan kurikulum, khususnya dalam memperkayakan strategi pengajaran gaya bahasa melalui pendekatan pragmatik dan kognitif. Dari sudut penyelidikan pula, kajian ini membuka ruang kepada pengkaji lain untuk meneroka gaya bahasa lain seperti metafora, personifikasi dan hiperbola dengan menggunakan kerangka Teori Relevans. Akhir sekali, pengkaji berharap agar hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh guru dan murid sebagai panduan untuk memahami hubungan antara gaya bahasa simile dan unsur emotif dengan lebih mendalam. Sekiranya murid dapat mengaitkan unsur emotif ini secara tepat dengan penggunaan gaya bahasa simile dalam karya sastera, maka secara tidak langsung mereka bukan sahaja mampu memahami makna tersurat dan tersirat dengan lebih berkesan, malah dapat menghayati mesej serta nilai yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam penulisan novel karya Azmah Nordin ini.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2023). Penggunaan bahan komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89–99. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/280>
- Aminuddin Saimon. (2022). Penggunaan kata emotif dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia sempena Hari Kebangsaan. *Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, 13(2), 25–40. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.3.2022>
- Erniwati, Mertosono, S. R., & Maghfira. (2023). Reading comprehension and literary appreciation: An analysis of student's difficulties. *Interference: Journal of Language, Literature, and Linguistics*, 4(2), 254–263. <https://doi.org/10.26858/interference.v4i2.50244>



- Feng, W., Jiang, J., Tang, Y., & Zhang, W. (2017). Effects of contextual relevance on pragmatic inference during conversation: An fMRI study. *Brain and Language*, 171, 52–61. <https://doi.org/10.1016/j.bandl.2017.04.004>
- George Romiko Bujang, & Mary Fatimah Subet. (2021). Merungkai makna sajak "Istimewanya Kita": Pengaplikasian semantik inkuisitif dalam kalangan murid tahun empat. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 11(2), 68–79. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/259>
- George Romiko Bujang, & Mary Fatimah Subet. (2022). Pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa: Aplikasi semantik inkuisitif dan teori relevans. *Practitioner Research*, 4, 172–196. <https://doi.org/10.32890/pr2022.4.9>
- Khazri Osman, Mohd Shaifulbahri Abdullah, Syed Najihuddin Syed Hassan, & Ahamad Asmadi Sakat. (2020). Keindahan gaya bahasa simile dalam Hadis Ashrat Al-Sa'ah. *Jurnal al-Turath*, 5(1), 1–10. <https://spaj.ukm.my/jurnalalturath/index.php/al-turath/article/view/120>
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159–188. <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/?p=1194>
- Mary Fatimah Subet, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2024). *Emosi, bahasa figuratif dan teori relevans*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali, & Nordiana Ab Jabar. (2021). Gaya bahasa dalam kepengarangan puisi: Kajian perbandingan stilistik penerima S.E.A. Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna). *Online Journal of Language, Communication, and Humanities (OJLCH)*, 4(1), 75–90. <https://doi.org/10.33736/ojch.3235.2021>
- Mohd Rohiman Subri, & Rohizani Yaakub. (2021). Corak pengajaran komponen sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 11(2), 45–58.
- Muhamad Aniq Azlan, & Mohd Syuhaidi Abu Bakar. (2019). Persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam akhbar bercetak. *Forum Komunikasi*, 14(2), 91–115.
- Nadhrahtul Nadhirah Rosli, Marzni Mohamed Mokhtar, & Siti Suria Salim. (2021). Penerapan kaedah ungkapan kreatif bagi pengajaran dan pembelajaran novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur: Penelitian terhadap dua orang guru Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Enam. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 7(2), 1–9.
- Nur Yusra Nabihah Baharuddin, & Siti Noraini Hamzah. (2025). Makna siratan bahasa figuratif dalam cerpen pilihan karya A. Samad Said. *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(1), 1–21. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/1344>
- Nurul Husna Mat Nor. (2020). Keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob menerusi novel Empangan Tugal. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*, 3(11), 10–18. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.311002>
- Nuur Hikma Natasha Lamsah, Anida Sarudin, & Mohd Sufian Ismail. (2023). Analisis gaya bahasa figuratif dalam novel Bimasakti Menari teks Komponen Kesusasteraan Bahasa Melayu Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 22–27. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.3.2023>
- Rosnani Md Zain, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2019). Unsur estetika bahasa dalam novel-novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2012 sehingga 2017. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 30, 189–212. <https://doi.org/10.51200/manu.v30i.2119>
- Siti Fatimah Radzi, & Harun Baharudin. (2019). Analisis kontrasif tasybih dan isti'arah dengan simile dan metafora. *Journal of Ilmi*, 9(1), 44–55.



- Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna siratan bahasa figuratif dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 75–94.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Butler and Tanner Ltd.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Melayu*, 2(4), 47–54.
- Syahirah Alias, & Siti Noraini Hamzah. (2024). Interpretasi makna metafora dalam akhbar pada ruangan politik: Satu analisis teori relevans. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1–17. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/1290>
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86–103. <https://doi.org/10.55057/jdspd.2022.4.1.8>
- Syofyan Hadi. (2021). *Gaya bahasa dan konsep sufistik Syaikh Isma'il Al-Minangkabawi*. Rumah Kita.
- Yuslina Mohamed, Bhasah Abu Bakar, Fariza Puteh Behak, & Ramiaida Darmi. (2018). *Asas metodologi penyelidikan praktikal*. Penerbit USIM.
- Zuraini Ramli, Norliza Jamaluddin, & Alizah Lambri. (2024). *Penyelidikan itu mudah!: Panduan penyelidikan bahasa dalam pendidikan*. Penerbit UPSI.

BIOGRAFI

Nur Ain Yusof merupakan mantan pelajar di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang Pengkhususan Pendidikan Bahasa Melayu.

Nur Farahkhanna Mohd Rusli (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang Pengkhususan ialah Linguistik Melayu, dan Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu.